

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 7 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 48**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1433-L10231  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status projek-projek infrastruktur luar bandar di bawah Kementerian iaitu projek-projek jalan luar bandar, bekalan elektrik dan bekalan air khususnya di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan amnya di negeri Sarawak.
  
2. PR-1433-L10492  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan Pusat dalam memastikan pembekalan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada semua negeri termasuk Pulau Pinang adalah mencukupi memandangkan program PR1MA sudah tidak diteruskan sekarang. Perincian pampasan yang dibayar kepada para pemaju yang tidak dapat meneruskan projek PR1MA disebabkan kepelbagaian faktor.
  
3. PR-1433-L10107  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan yang telah menyertai program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi – *Career Advancement Programme* (KPT-CAP) dan nyatakan bidang kursus serta bilangan syarikat yang menyokong program ini serta nyatakan bilangan graduan yang dijangka mendapat pekerjaan selepas menamatkan program ini.

4. PR-1433-L10820  
**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan hutang semasa negara dan nisbah hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
5. PR-1433-L10849  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kesinambungan tulisan Jawi yang ditiadakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sedangkan kursus-kursus berkaitan Jawi disediakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi.
6. PR-1433-L11114  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini penyediaan vaksin COVID-19 bagi Malaysia, dan bilakah ia dijangka akan mula diberi kepada rakyat.
7. PR-1433-L10512  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Skim Pinjaman Rumah Panjang dari Kerajaan Persekutuan untuk Sarawak bagi tahun 2020; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan dana tersebut memandangkan pertambahan permintaan dari masyarakat rumah panjang Sarawak untuk skim pinjamam tersebut.
8. PR-1433-L10264  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini penyerahan Sabah Elektrik Sdn. Bhd. (SESB) dari Kerajaan pusat kepada Kerajaan Sabah dan sama ada Laporan Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah akan diterbitkan kepada orang awam.
9. PR-1433-L10167  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha Kementerian merebut peluang masa krisis seperti sekarang untuk memanfaatkan teknologi dari segi kreatif dan inovatif.

10. PR-1433-L10300

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab KPKT melantik Ahli Majlis Tempatan dan Ketua Kampung Baru Cina, apabila kedua-dua pelantikan secara undang-undang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

11. PR-1433-L10575

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menggiatkan lagi pemasaran produk-produk usahawan desa; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian akan memastikan usaha yang dilaksanakan akan menerima sambutan daripada pembeli dan pengguna seiring dengan keadaan ekonomi pada masa kini.

12. PR-1433-L11224

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) status penyelidikan berkenaan keperluan undang-undang khusus anti buli siber yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ; dan
- (b) usaha-usaha bagi memastikan kes buli siber terhadap kanak-kanak dan belia ditangani secara berkesan.

13. PR-1433-L11310

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyalurkan peruntukan secara terus dan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan memberi kepercayaan untuk mengurus tadbir agihan peruntukan tersebut berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti di peringkat negeri memandangkan Kerajaan Sabah kini adalah sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan.

14. PR-1433-L10244  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia membuat kajian menyeluruh dan melaksanakan usaha untuk memperbaiki atau mengganti bangunan dan fasiliti sekolah-sekolah yang dikategorikan daif di Sabah. Adakah Kementerian berhasrat untuk membina sebuah sekolah baru yang lengkap dan mempunyai asrama untuk menggantikan Sekolah Menengah Kebangsaan Kalabakan yang usang dan daif.
15. PR-1433-L11280  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu usahawan digital Malaysia contohnya seperti MyCar dan Moovby untuk selamat daripada hanya didominasi syarikat gergasi dalam dunia perniagaan seperti Grab.
16. PR-1433-L11404  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah lesen perjudian serta arak dalam negara mengikut tahun dari tahun 2008 hingga Oktober 2020; dan
  - (b) berapa jumlah orang Islam yang menjadi lembaga pengarah syarikat judi dan arak.
17. PR-1433-L10933  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan faedah-faedah penggantian meter biasa kepada meter pintar (*Smart Meter*) kepada rakyat dan apakah langkah ini dapat membendung kegiatan negatif seperti kes usikan meter dan sebagainya.
18. PR-1433-L11006  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah SACOFA Sdn Bhd merupakan satu-satunya syarikat di Sarawak yang dibenarkan menyediakan infrastruktur telekomunikasi kepada penyedia perkhidmatan telefon bimbit. Adakah lesen syarikat ini diluluskan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan apakah kelayakan yang dibenarkan bagi menjadi penyedia perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi.

19. PR-1433-L11065  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa bilangan permohonan lanjutan moratorium yang telah diterima oleh institusi kewangan dan perbankan serta berapa jumlah permohonan yang telah diluluskan bagi membantu mengurangkan impak negatif pasca COVID-19 yang dihadapi oleh rakyat.
  
20. PR-1433-L10811  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian dan perancangan pihak Kementerian sama ada ingin membenarkan Institut Pengajian Tinggi Awam/Institut Pengajian Tinggi Swasta mengambil pelajar asing untuk mendaftar dan belajar secara *online* tanpa perlu mereka berada di tanah air seperti yang dilakukan di negara-negara maju.
  
21. PR-1433-L10384  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi potongan atau pengecualian yuran sekolah untuk tahun 2021 kepada golongan B40 terutamanya sebagai salah satu usaha Kementerian membantu meringankan tanggungjawab ibu bapa yang terjejas pendapatan sejak negara dilanda pandemik COVID-19.
  
22. PR-1433-L11179  
**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan 'reserve' Kerajaan sekarang dan berikan perincian.
  
23. PR-1433-L10957  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan tentang status terkini pembinaan kesemua kapal Littoral Combat Ship oleh Boustead Naval Shipyard.
  
24. PR-1433-L11312  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam melanjutkan pemberian moratorium. Apakah alternatif lain yang dapat diberikan kepada rakyat dalam membantu mengurangkan tekanan kewangan isi rumah semasa menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

25. PR-1433-L10117  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama-nama syarikat milik Kerajaan yang diperbadankan yang telah di '*bail out*', jika ada oleh Kerajaan dan implikasi kewangan kepada negara.
26. PR-1433-L10791  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan hala tuju Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah pentadbiran Kerajaan sekarang terkait secara khususnya berkenaan Kempen Malaysia Membaca, Dekad Membaca Kebangsaan, Dasar Buku Kebangsaan dan Dasar Sastera Kebangsaan.
27. PR-1433-L11026  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah telah diwujudkan garis panduan yang jelas bagi memudahkan pihak luar sama ada individu mahupun syarikat di dalam ikhtiar mereka membantu meringankan beban pihak pengurusan universiti dan KPT khususnya dalam menangani isu mahasiswa yang terkandas di IPT masing-masing sepanjang pelaksanaan penutupan kampus dan penangguhan kemasukan pelajar secara fizikal.
28. PR-1433-L10377  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan memberi rebat atau potongan yuran pengajian dan yuran kemudahan lain kepada pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam memandangkan kelas dan kemudahan tidak digunakan sepenuhnya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan Mac 2020.
29. PR-1433-L11370  
**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai peruntukan untuk pemeliharaan atau pengajaran bahasa ibunda atau bahasa etnik di sekolah, yang diperuntukan dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996, walaupun kumpulan etnik tersebut dianggap sebagai kumpulan kecil seperti Lun Bawang.
30. PR-1433-L10481  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah besar kesemua dana negara yang telah dibelanjakan dalam menangani pandemik COVID-19. Minta diberikan butiran kasar perbelanjaan tersebut.

31. PR-1433-L10721  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah kos kewangan untuk melanjutkan tempoh moratorium pinjaman dan berapakah permohonan yang diluluskan.
32. PR-1433-L10706  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pada masa sekarang tempat penduduk ramai kaum India di taman sekitar tidak mempunyai sekolah SJKT. Mereka memerlukan sebuah sekolah di sekitar kawasan tersebut. Di masa yang sama Kementerian Pendidikan perlu membuat kajian dan rancangan masa depan untuk mengalih sekolah SJK(T) kurang murid ke tempat yang dipohon oleh penduduk setempat.
33. PR-1433-L10943  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan kebajikan dan keperluan warga pendidik terjamin dalam menghadapi fasa COVID-19 yang memberi kesan kepada fokus pengajaran sekolah hari ini.
34. PR-1433-L10688  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilakah baik pulih bangunan blok sekolah dan kawasan lapangan yang mendap untuk Sekolah Kebangsaan Orang Kaya Muda Pakeri (OKMP) di Kampung Paloh akan dilakukan.
35. PR-1433-L11187  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa sekolah daif di Sarawak telah dinaik taraf dan dipulihkan dalam tahun 2019 dan 2020, status pelaksanaan projek dan perbelanjaan masing-masing dan bilangan murid yang dimanfaatkan dengan usaha ini.
36. PR-1433-L10522  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan melalui program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan jumlah penerima bagi program tersebut. Apakah Kerajaan juga bercadang untuk menambah jumlah peruntukan kepada program ini berdasarkan pandemik COVID-19 yang dilihat belum ada kesudahan.

37. PR-1433-L10484  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian di dalam memastikan bahawa kualiti graduan tidak terjejas akibat daripada gangguan pembelajaran berkaitan pandemik COVID-19.
38. PR-1433-L11346  
**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan maklumat terkini proses pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pelangi Perdana, Parit Buntar dan jadual terbaru siapnya sekolah tersebut.
39. PR-1433-L10815  
**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rentetan kepadatan pelajar di beberapa sekolah khususnya di Sekolah Menengah Kota Kemuning yang mempunyai 5000 orang pelajar dan jumlah pelajar menjangkau 50 orang sekelas, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menangani hal ini. Disebabkan pertambahan penduduk yang semakin meningkat, maka keperluan untuk dibina sekolah menengah baru amat diperlukan.
40. PR-1433-L10734  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berasa Pindaan “Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953” adalah mencukupi untuk membanteras gejala judi haram yang semakin berleluasa di Malaysia. Adakah pihak Kementerian mempunyai strategi yang lebih berkesan dalam membanteras gejala judi haram yang berleluasa.
41. PR-1433-L10780  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) bagaimana inisiatif Kementerian untuk menangani isu pengangguran di kalangan graduan, malah peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada graduan juga tidak setaraf kelulusan; dan
  - (b) sejauh mana juga usaha Kementerian dalam membantu para pekerja di sektor swasta khususnya pekerja kilang yang terpaksa berhenti kerja akibat penutupan kilang semasa krisis wabak COVID-19.

42. PR-1433-L10981

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tahap pencapaian infrastruktur internet di Pulau Labuan pada masa ini dan adakah ianya mencukupi untuk Labuan yang bertaraf sebagai pusat kewangan antarabangsa dan hub logistik minyak dan gas.

43. PR-1433-L10421

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar negeri telah meningkat pada akhir suku ketiga (S3) berakhir September 2020 :-

- (a) jumlah nilai hutang luar negeri pada akhir S3 tahun 2020 dan peratusannya daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir S3 tahun 2020; dan
- (b) cara-cara dan tempoh masa untuk melangsaikan hutang tersebut.

44. PR-1433-L11437

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Kementerian pernah mencadangkan untuk membina kawasan merokok di setiap kawasan awam termasuk kawasan perumahan awam, apakah status cadangan tersebut. Jika sudah dilaksanakan, berapa kawasan yang telah menerima perlaksanaan tersebut dan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan daripada peruntukan RM1 juta.

45. PR-1433-L(5)00067

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah justifikasi atau faktor yang menyebabkan pihak KPM mengurangkan peruntukan penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kepada hanya RM29.98 juta sahaja pada tahun 2021, berbanding dengan RM50 juta ketika ini.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

46. PR-1433-L10493

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keputusan Kerajaan Pusat berhubung permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar menaikkan kadar pelepasan cukai individu untuk perbelanjaan pelancongan domestik susulan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 pasca COVID-19 dari RM1,000 sedia ada kini kepada RM5,000. Perincian pelaksanaannya jika ia diluluskan dan nyatakan sebab sekiranya ia ditolak.

47. PR-1433-L11181  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah komitmen Kerajaan untuk menyalurkan lebih banyak sumber dana kewangan ke Sabah bagi mengatasi krisis COVID-19 semasa dan pemulihan ekonomi negeri yang telah terjejas akibat wabak.
48. PR-1433-L10451  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan kepada rakyat secara keseluruhan untuk menghadapi gelombang baharu COVID-19 yang melanda, termasuk sama ada akan mengarahkan supaya moratorium dilanjutkan.
49. PR-1433-L10209  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan negara setelah negara berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 dari segi ekonomi, perniagaan yang digulung tikar, kehilangan pekerjaan, beban hutang yang ditanggung dan pendapatan negara selama tempoh PKP berjalan.
50. PR-1433-L10991  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Malaysia sedang berusaha untuk mencari vaksin untuk merawat penyakit COVID-19 dan sekiranya ada apakah statusnya dan sekiranya tiada, nyatakan sama ada Malaysia sedang berkerjasama dengan mana-mana pihak lain untuk tujuan ini dan apakah statusnya.
51. PR-1433-L10998  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah negara kita memainkan peranan dalam mencipta vaksin bagi menangani pandemik wabak COVID-19. Adakah negara kita bekerjasama dengan negara luar bagi melakukan penyelidikan tentang virus tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (D.R.16/2020) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 3 Disember, 2020 )**

- |    |  |                               |
|----|--|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 17/2020 ) Rang Undang-undang Kewangan 2020<br><br>[ Menteri Kewangan ]   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | ( D.R 18/2020 ) Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020<br><br>[ Menteri Kewangan ]  | "                             |
| 4. | ( D.R 11/2020 ) Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 – <b>Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 5 November, 2020 )</b><br><br>[ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ] |                               |
| 5. | ( D.R 13/2020 ) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020<br><br>[ Menteri Sumber Manusia ]  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 6. | ( D.R 14/2020 ) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020<br><br>[ Menteri Sumber Manusia ]  | "                             |

7. ( D.R 15/2020 ) Rang Undang-undang Lembaga Angka **Bacaan Kali**  
Malaysia 2020 **Yang Kedua**

**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**

8. ( D.R 12/2020 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas " "  
Tatakelakuan Polis 2020

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

9. PR-1433-U(27)141  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1433-U(27)144  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1433-U(27)145  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1433-U(27)146

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

**[ Menteri Alam Sekitar Dan Air ]**

13. PR-1433-U(27)147

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

14. PR-1433-U(27)148

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

**[ Menteri Kesihatan ]**

15. PR-1433-U(27)149

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1433-U(27)150

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

**[ Menteri Kewangan ]**

17. PR-1433-U(27)152

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**

18. PR-1433-U(27)164

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1433-U(27)166

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1433-U(27)135

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

21. PR-1433-U(27)136

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

22. PR-1433-U(27)137

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

23. PR-1433-U(27)138

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1433-U(27)165

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

